

**PENETAPAN TARIKH KUMULATIF (CUMULATIVE DATE)  
DAN TARIKH LUPUT (EXPIRY DATE) PENGAGIHAN  
PENDAPATAN BAGI PMB DANA MUTIARA & DANA PMB  
SHARIAH CASH MANAGEMENT**

---

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Sila ambil maklum tarikh pengagihan pendapatan bagi Dana PMB Dana Mutiara adalah pada 30 Jun setiap tahun . Manakala bagi Dana PMB Syariah Cash Management adalah pada setiap hujung bulan. Sehubungan itu, ingin di nyatakan bahawa Tarikh Kumulatif (*Cum-Date*) dan Tarikh Luput (*Ex-Date*) bagi pemegang-pemegang unit menerima pengagihan pendapatan dana unit amanah adalah seperti berikut:

**Tarikh Kumulatif (*Cum-Date*)** adalah tiga (3) hari perniagaan sebelum tarikh Akhir Tahun Kewangan dana.

Pemegang-pemegang unit yang telah berdaftar dan pemegang unit baru yang membuat serahan transaksi sebelum jam 3.00 petang pada tarikh tersebut layak menerima agihan pendapatan (sekiranya ada). Semua transaksi yang di terima selepas jam 3.00 petang pada *Cum-Date*, di kira sebagai transaksi hari bekerja berikutnya.

**Tarikh Luput (*Ex-Date*)** adalah satu (1) hari perniagaan selepas Tarikh Kumulatif.

Pemegang-pemegang unit yang berdaftar selepas jam 3.00 petang pada *Cum-Date* dan pada *Ex-Date* adalah tidak layak menerima agihan pendapatan yang di isytiharkan untuk Akhir Tahun Kewangan tersebut.

**Penetapan Tarikh bagi PMB Dana Mutiara & Dana PMB Shariah Cash Management:**

<b>Akhir Tahun Kewangan Dana</b>	<b>:</b>	<b>30 Jun 2024</b>
<b>Tarikh Kumulatif (<i>Cum-Date</i>)</b>	<b>:</b>	<b>25 Jun 2024</b>
<b>Tarikh Luput (<i>Ex-Date</i>)</b>	<b>:</b>	<b>26 Jun 2024</b>

Semua transaksi yang di terima di antara Tarikh Luput dan Akhir Tahun Kewangan akan di proses seperti biasa iaitu:

- 1) Permohonan Pelaburan Baru (*New Application*)
- 2) Permohonan Tambahan Pelaburan (*Additional Purchase*)
- 3) Pembelian Semua/ Penebusan Dana (*Repurchase*)
- 4) Penukaran Unit Dana (*Switching*)
- 5) Pemindahan Unit Dana (*Transfer*)

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila berhubung dengan Unit Perkhidmatan Pelanggan di talian (603) 4145 3900 pada waktu Pejabat dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat atau emel ke [clients@pelaburanmara.com.my](mailto:clients@pelaburanmara.com.my)

*Nota:*

*Cum-Date* - *Cumulative Date*

*Ex-Date* - *Expiry Date*

*Tarikh: 24 Jun 2024*